

20 NOV 1998

MFDC-GERAN/I

MFDC CADANG GERAN RM5 JUTA UNTUK MULAKAN KURSUS REKAAN PERABOT

KUALA LUMPUR, 20 Nov (Bernama) -- Pusat Rekaan Perabot Malaysia (MFDC) telah mencadangkan geran RM5 juta untuk memulakan kursus perekaan di sini untuk tempoh dua tahun akan datang.

Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata geran itu adalah penting untuk mendedahkan pereka-pereka Malaysia kepada piawaian antarabangsa.

Sekurang-kurangnya RM5 juta diperlukan untuk memulakan kursus ini, katanya kepada pemberita selepas pelancaran MFDC oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini hari ini.

"Pusat itu (MFDC) telahpun menyerahkan cadangan kepada kerajaan. Kami memerlukan sumbangan untuk memulakan kursus ini, dan apabila rekaan-rekaan itu telah diterima, kami akan mendapat pendapatan daripada royalti, dan kursus ini kemudiannya boleh berjalan dengan sendiri," katanya.

MFDC adalah usaha bersama Majlis Kayu-Kayan Malaysian (MTC) dan Majlis Industri Perabot Malaysia. Kegiatan-kegiatannya diterajui oleh pasaran dan sektor swasta.

Dr Lim berkata dengan sokongan penuh dan kerjasama kerajaan dan sektor pembuatan perabot, pusat itu sedia untuk membantu industri itu mencapai tahap yang lebih tinggi.

"Saya amat yakin bahawa dengan pengenalan pusat ini, kita dapat meningkatkan eksport industri perabot kita kepada RM7.0 bilion menjelang 2005," katanya.

Beliau berkata eksport industri perabot telah mencatat kejayaan sejak 10 tahun lepas, dengan peningkatan purata sebanyak 17 peratus. Jika tiada halangan, Malaysia berharap untuk mencapai sasaran eksport sebanyak RM4.0 bilion untuk tahun semasa.

Dr Lim juga menggesa pereka-pereka tempatan supaya tidak hanya menumpukan perhatian kepada pasaran harga rendah tetapi juga kepada pasaran harga sederhana dan tinggi.

"Untuk menembusi pasaran harga sederhana dan tinggi, kita mesti mempunyai keaslian dalam rekaan dan sebab itulah geran adalah penting bagi kami untuk membeli peralatan dan membayar profesional yang membantu kami dalam kursus-kursus ini," katanya.

Beliau juga berkata Malaysia tidak lagi boleh bergantung kepada kontrak pembuatan di bawah perjanjian Pengeluar Peralatan Asli (OEM).

Oleh itu, tambahnya, strategi-strategi tegas dan pro-aktif mesti diambil untuk memastikan yang perabot Malaysia terus menjadi peserta utama dalam pasaran dunia.

MFDC, katanya, akan mengadakan mekanisme dan rangkakerja perundangan untuk mendaftarkan rekaan-rekaan tempatan dan asing.

-- BERNAMA

AA JR MA